

01/11/1997

Barat sasar Dr Mahathir kerana Islam

NICOSIA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi sasaran pertama negara Barat kerana beliau dianggap pemimpin dunia Islam, yang ekonominya semakin kukuh berikutan kejatuhan empayar bekas Soviet Union, kata bekas Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto.

Malah, Benazir berkata, ada anggapan bahawa negara Barat menggunakan tabung pelaburan antarabangsa bagi tujuan menghukum negara Islam.

"Dunia Islam menganggap negara Barat merancang untuk menjatuhkan Dr Mahathir kerana beliau berusaha supaya Myanmar dibenarkan menganggotai Asean.

"Oleh itu, beliau dihukum menerusi penarikan keluar pelaburan asing yang menjejaskan ekonomi Malaysia," kata Benazir ketika berucap di persidangan bertemakan 'Politik Islam dan Barat' di sini.

Menurutnya, dunia semakin menggunakan nilai dan moral Barat tetapi menolak Islam. Banyak pihak di negara Barat menganggap orang Islam adalah penganas dan pelampau.

"Tetapi orang Islam bukan penganas atau pelampau. Orang Islam hanya mahu dihormati," katanya.

Ketika Perang Dingin, menurutnya, negara Islam memegang fungsi penting menentang pengaruh komunis di Asia dan menyaksikan pemberian bantuan besar oleh negara kuasa besar kepada negara Islam.

Bagaimanapun, berikutan kejatuhan empayar bekas Soviet Union, pemberian bantuan itu dihentikan dan sedikit sebanyak menamatkan kerjasama kedua-dua pihak.

"Kini negara Islam dan Asia memiliki ekonomi teguh dan ada di kalangan negara Barat bimbang kerana bergantung kepada orang Islam dan pasaran Asia.

"Kami percaya tuntutan Barat berhubung penggunaan buruh kanak-kanak, isu hak asasi manusia, alam sekitar dan isu moral lain hanya 'senjata' mengurangkan kuasa ekonomi Islam.

"Di antara dunia Barat dan Islam, wujud ciri-ciri ketegangan yang menuju ke arah pertentangan tetapi konflik bukan sesuatu yang tidak boleh dielakkan.

"Kita tidak perlu menggunakan konsep mengarah sebaliknya bertolak-ansur," katanya.

Pengarah Pusat Bagi Persefahaman Islam-Kristian di Washington, John Esposito, menyokong pandangan Benazir dengan mengatakan, 'bagi pihak tertentu, jika tidak memusuhi penganut Islam, mereka dianggap sebagai 'ancaman baru.' - AFP

(END)